

Malaysia-Iran setuju luaskan kerjasama pembinaan, saintifik

UM: 3/3/2006

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

Kita berharap apa yang dipersetujui hari ini dapat dilaksanakan pada peringkat suruhanjaya bersama

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

PUTRAJAYA 2 Mac - Malaysia dan Iran bersetuju memperluaskan kerjasama dua hala terutama dalam bidang pembinaan dan saintifik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, Malaysia dan Iran juga bersetuju mengadakan kerjasama dua hala dalam pendidikan tinggi, pelancongan serta sains dan teknologi terutama bioteknologi.

"Malaysia melahirkan harapan persetujuan yang dicapai hari ini akan membina kerjasama dua hala lebih luas antara kedua-

dua negara," katanya pada sidang akhbar bersama dengan Presiden Republik Iran Dr. Mahmoud Ahmadinejad di Perdana Putra, di sini hari ini.

"Kita harap dapat menjalinkan kerjasama dua hala dalam pembinaan perumahan, landasan kereta api dan jalan raya," katanya.

Ahmadinejad kini dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

"Kita berharap apa yang dipersetujui hari ini dapat dilaksanakan pada peringkat suruhanjaya bersama," kata Abdullah.

Menurut Perdana Menteri, suruhanjaya bersama Malaysia-Iran akan mengadakan pertemuan tidak lama lagi bagi membuat susulan kepada persetujuan yang telah dicapai itu.

■ **Lihat muka 2**

Malaysia-Iran setuju luaskan kerjasama pembinaan, saintifik

Sebelum itu, Abdullah dan Ahmadinejad mengadakan perbincangan tertutup hampir sejam.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian mengetuai delegasi negara masing-masing dalam rundingan di peringkat kerajaan.

Abdullah yakin persetujuan itu akan membawa Malaysia dan Iran melangkah ke hadapan dalam menjayakan kerjasama dua hala yang memberi faedah kepada kedua-dua negara.

Ahmadinejad pula berkata, kedua-dua ne-

gara telah membincang dan membuat keputusan berhubung banyak perkara.

"Kami turut menyentuh isu politik antara-bangsa dan hak kemanusiaan," katanya.

Beliau kemudian mengundang Abdullah membuat lawatan rasmi ke Iran.

"Saya yakin suruhanjaya bersama Malaysia-Iran dapat menyiapkan tugas mereka sebelum lawatan Abdullah ke Iran," tambah beliau.

Kedua-dua negara kemudian menandatangani empat memorandum kerjasama

(MoU):

- MoU mengenai kerjasama pembangunan badan-badan koperasi antara Malaysia-Iran.
- Surat hasrat bagi kerjasama dalam sektor pembinaan dan pembangunan bandar antara Malaysia-Iran
- MoU dalam bidang import dan eksport dan tabung jaminan eksport.
- Perjanjian kemudahan insurans semula antara bank Malaysia dan Tabung Jaminan Eksport Iran.